



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI MANFAATKAN DANA RM210 JUTA - RONALD KIANDEE, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI ALLOCATES RM210M TO BOOST FISHING, AGRICULTURE INDUSTRY, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIA RESERVE -2	
3.	KEMENTERIAN PERTANIAN PERUNTUK RM210 JUTA MODENKAN AGROMAKANAN, UM -ONLINE	
4.	RM210 JUTA DANA MEMODENKAN RANTAIAN INDUSTRI AGROMAKANAN, BH -ONLINE	
5.	PEMAIN INDUSTRI PERLU MANFAATKAN DANA JAMAINAN MAKANAN RM210 JUTA, SH -ONLINE	
6.	MAFI LAKSANA INISIATIF RANCAKKAN PENGELUARAN MAKANAN, BH -ONLINE	
7.	MAFI RANGKA STRATEGI IKUT KEPERLUAN SEMASA SEKURITI MAKANAN NEGARA, SH -ONLINE	
8.	eAGRO, PLATFORM DALAM TALIAN PERTAMA PASAR PRODUK INPUT PERTANIAN, BERNAMA -ONLINE	
9.	SYARAT PEMBIAYAAN PROGRAM PEMODENAN VESEL DIPERMUDAH, BERNAMA -ONLINE	
10.	MAFI RANGKA STRATEGI IKUT KEPERLUAN SEMASA SEKURITI MAKANAN NEGARA, SIDANG PARLIMEN, SH -8	
11.	PLATFORM eAGRO BANTU PEKEBUN KECIL TINGKATKAN HASIL, BISNES SINAR, SH -29	
12.	LADANG RUSA KERAJAAN TERENGGANU DIINSPIRASI DARI PERAK, HARAKAH DAILY -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13.	EKSEKUTIF AUDIT BELA ARNAB TAMBAH PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -17	
14.	ARNAB BAWA REZEKI, DALAM NEGERI, UM -32	
15.	FISHERIES AND AGRICULTURE SECTOR PLAYERS URGED TO TAKE ADVANTEGE OF RM210MIL FOOD GUARANTEE FUND, THE EDGE MARKET, -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16.	TAKING STOCK OF ARTISANAL FISHERIES, NATION, THE STAR -10 & 11	
17.	RUGI RM100,000 BENIH PADI HANYUT, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
18.	RUGI JUTAAN RINGGIT, LOKAL, HM -30	
19.	PESAWAH RUGI BENIH PADI HANYUT, NEGARA, KOSMO -15	
20.	DEMAND RISING FOR LOCALLY - PRODUCED DRIED CHILLIES, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
21.	MAKMUR AGRO BAKAL LANCAR KOTA TANI PENGHUJUNG TAHUN INI, NASIONAL, SH -15	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
22.	RESIPI TRADISI DARI KAMPUNG, NASIONAL, SH -15	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
23.	TANAMAN CILI UBAH NASIB GELANDANGAN, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
24.	PERKENAL PEK BERAS SEKILOGRAM RM2.60, NASIONAL, SH -15	
25.	PEK BERAS 1KG AKAN DIKELUARKAN PADA HARGA RM2.60, ASTRO AWANI -ONLINE	
26.	IKAN MUNGKUS DAPAT PEMINTAAN TINGGI, NEGERI PAHANG, SH -23	
27.	'SAWAH DAH JADI SEPERTI LAUT', NEGERI KEDAH, SH -25	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI | Manfaatkan dana RM210 juta - Ronald Kiandee



Golongan pemain industri agro makanan disaran memanfaatkan dana RM210 juta menerusi program modenisasi rantai nilai, pemodenan vesel dan mekanisasi tangkapan. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, program yang dijalankan melalui platform dana jaminan makanan itu membuka ruang kepada usahawan bagi mendapatkan akses dan pembiayaan yang mudah.

Headline	MAFI allocates RM210m to boost fishing, agriculture industry		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	03 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	2	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	by NURUL SUHAIDI	AdValue	RM 1,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,443



MAFI allocates RM210m to boost fishing, agriculture industry

by NURUL SUHAIDI

THE government will continue to boost the fishing and agriculture industry in the country through the allocation of RM210 million for financing facilities under the Vessel Modernisation and Mechanisation Programme, Minister of Agriculture and Food Industry (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiang said.

To boost the sector and the well-being of fishermen, MAFI is allocating RM150 million for the purpose of modernisation of fishing

vessels and equipment upgrades.

Meanwhile, RM60 million is allocated for the Agro-Food Value Chain Modernisation Programme in the form of financing facilities with low financing rates between 3% and 3.5% for a maximum period of 10 years.

"The financing for modernisation of vessels involves upgrading traditional fishermen in Zone A and Zone B and now have been extended to Zone C and Zone C2," he said in Kuala Lumpur yesterday.

The modernisation will enable

them to improve their vessels, install efficient equipment that will improve safety aspects and upgrade the catches.

The usage of modern vessels will also attract locals, especially the youth to venture into the fisheries sector and further reduce the country's dependence on foreign labour.

Apart from financing, the initiative aims to promote the adoption of smart agriculture by incorporating Fourth Industrial Revolution (IR4.0) technology as a pillar in farming.

Kiang said this initiative is

also in line with the 12th Malaysia Plan (12MP) which has identified smart agriculture as one of the activities strategic and high impact that can regenerate the country's economic growth.

The sector has grown its GDP by 2.3% in 2020. The contribution of agro-food to agricultural GDP also increased from RM44.2 billion in 2015 to RM51.3 billion in 2020.

"In the 12MP, efforts will be focused on accelerating the adoption of modern technology in the agro-food sector especially crops,

livestock and fisheries," the minister said further.

So far, among the IR4.0-based technologies that are in the focus for the agro-food sector is sensor technology, robotics, drones, blockchain and other technologies that are of the concept of smart farming.

Additionally, MAFI will also be introducing an e-commerce platform powered by the blockchain technology to be used by agencies under MAFI to promote and exercise commercial activities for their products.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Kementerian Pertanian peruntuk RM210 juta modenkan agromakanan



RONALD KIANDEE

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, menyediakan sebanyak RM210 juta menerusi program Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan bagi tujuan membangunkan usahawan dalam bidang pertanian dan penternakan di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata,

daripada jumlah tersebut sebanyak RM150 juta diperuntukkan untuk Program Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan serta RM60 juta bagi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan.

Menerusi pembiayaan ini katanya, usahawan boleh mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) seperti robotik, dron dan *blockchain* sehingga berjumlah RM1 juta pada kadar sehingga 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun.

“Daripada sudut Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, ia turut diperluaskan daripada Vesel Zon A dan Zon B kepada Zon C dan Zon C2 untuk pemain industri menaik taraf dan memodenkan vesel dari aspek keselamatan serta peningkatan kualiti hasil tangkapan.

“Secara tidak langsung, ia dapat menarik minat warga tempatan terutamanya golongan belia menceburkan diri dalam sektor perikanan tangkapan seterusnya mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari.

Beliau berkata, inisiatif itu seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang mengenal pasti pertanian pintar sebagai satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

“Agromakanan adalah sektor yang dapat mengekalkan daya tahan ketika berdepan beberapa krisis dunia apabila mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu, manakala sumbangan agromakanan kepada KDNK pertanian juga meningkat daripada RM44.2 bilion pada tahun 2015 kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020.

“Jadi saya yakin apabila penggunaan teknologi diaplikasikan, ia akan membawa manfaat besar kepada sektor agromakanan dan kementerian akan terus komited dalam mendukung aspirasi pemodenan sektor berkenaan bagi peningkatan produktiviti dan mengukuhkan tahap keselamatan makanan negara,” katanya.-UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

RM210 juta dana memodenkan rantai industri agromakanan



KUALA LUMPUR: Pemain industri dalam rantai nilai agromakanan digalakkan merebut peluang dana berjumlah RM210 juta menerusi program Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan,

Datuk Seri Dr Ronald Kiang, berkata program di bawah Dana Jaminan Makanan itu bertujuan memudahkan akses kepada pembiayaan bagi usahawan dengan menawarkan kadar pembiayaan yang menarik dan berisiko rendah.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM150 juta bagi Program Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan serta RM60 juta bagi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan diperuntukkan kerana kerajaan memahami akses pembiayaan mungkin menjadi antara faktor penghalang kepada usaha mengadaptasi teknologi dalam sektor itu.

"Menerusi pembiayaan ini, usahawan boleh mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) seperti robotik, dron dan blockchain sehingga berjumlah RM1 juta pada kadar sehingga 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun.

"Dari sudut Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, ia turut diperluaskan daripada Vesel Zon A dan Zon B kepada Zon C dan Zon C2 untuk pemain industri menaik taraf dan memodenkan vesel dari aspek keselamatan serta peningkatan kualiti hasil tangkapan.

"Secara tidak langsung, ia dapat menarik minat warga tempatan terutamanya golongan belia menceburkan diri dalam sektor perikanan tangkapan seterusnya mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing," katanya ketika merasmikan Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, inisiatif itu seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang mengenal pasti pertanian pintar sebagai satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara.

"Sektor agromakanan adalah sektor yang dapat mengekalkan daya tahan ketika berdepan beberapa krisis dunia di mana ia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 2.3 peratus pada tahun lalu, manakala sumbangan agromakanan kepada KDNK pertanian juga meningkat daripada RM44.2 bilion pada tahun 2015 kepada RM51.3 bilion pada tahun 2020.

"Jadi saya yakin apabila penggunaan teknologi diaplikasikan, ia akan membawa manfaat besar kepada sektor agromakanan dan kementerian akan terus komited dalam mendukung aspirasi pemodenan sektor berkenaan bagi peningkatan produktiviti dan mengukuhkan tahap keselamatan makanan negara," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kementerian sedang mengadakan perbincangan mengenai insurans pertanian kepada pemain industri yang terjejas akibat musim tengkujuh.

"Pelan pembangunan insurans itu sedang diusahakan dan ia mungkin akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat untuk manfaat semua pemain industri di negara ini," katanya.



(kiri). - Foto BERNAMA

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) bergambar selepas Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang hari ini. Turut hadir kedua-dua Timbalan Menteri MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (kanan) dan Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pemain industri perlu memanfaatkan Dana Jaminan Makanan RM210 juta



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) bergambar selepas Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang hari ini.-

KUALA LUMPUR - Pemain industri dalam sektor perikanan dan pertanian perlu memanfaatkan Dana Jaminan Makanan (DJM) 2021 berjumlah RM210 juta

sebelum hujung tahun ini memandangkan masih terdapat peruntukan itu yang belum diguna pakai.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kemudahan pembiayaan di bawah dana melibatkan dua program itu ialah langkah intervensi MAFI untuk mempermudah akses kepada pembiayaan bagi usahawan di seluruh rantaian nilai agromakanan dengan kadar pembiayaan menarik dan berisiko rendah.

"Setakat ini, 223 vesel perikanan diperakukan untuk mendapatkan dana bagi Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan yang berjumlah RM150 juta. Kesemua dana bagi 223 vesel itu ialah RM51 juta.

"Dana ini akan berjalan sehingga habis RM210 juta (bagi dua program) atau sebelum penghujung tahun ini. Ada banyak lebihan. Dalam tempoh dua bulan, kami harap ia akan dimanfaatkan pemain industri," katanya selepas majlis mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di sini pada Isnin.

Menurutnya, inisiatif itu juga membuka peluang kepada nelayan tempatan untuk menaik taraf dan memodenkan vesel dari aspek keselamatan dan peningkatan kualiti hasil tangkapan.

Ronald berkata, menerusi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan dengan dana RM60 juta, usahawan di sepanjang rantaian nilai agromakanan boleh mendapatkan kemudahan pembiayaan untuk perolehan peralatan dan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) berjumlah sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Beliau berkata, antara teknologi berteraskan IR 4.0 yang menjadi fokus dalam sektor agromakanan meliputi teknologi sensor, robotik, dron dan blok rantai (blockchain) yang merupakan elemen bagi konsep pertanian pintar.

Hadir sama, kedua-dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh serta Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI laksana inisiatif rancakkan pengeluaran makanan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 bagi merancakkan pengeluaran makanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia termasuk pusat pengembangan

akuakultur, pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) serta kajian-kajian berteraskan makanan alternatif ternakan dan makanan ruji.

"Pelaksanaan inisiatif ini juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dengan meningkatkan produktiviti sistem makanan melalui pengukuhan infrastruktur dan pemerkasaan pengeluaran makanan," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Amiruddin Hamzah (Pejuang-Kubang Pasu) yang ingin tahu bagaimana Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 yang akan dilancarkan dapat meningkatkan kedudukan Malaysia di dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) di Dewan Rakyat hari ini.

Selain itu, MAFI turut melaksanakan usaha berteraskan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber semula jadi bagi kesinambungan pengeluaran makanan untuk menjaga kawasan perlindungan marin dengan mewartakannya sebagai kawasan larangan menangkap ikan.

Menurut Ronald, MAFI komited dalam memastikan pelaksanaan strategi yang dirangka menerusi Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 bertepatan dengan keperluan semasa sekuriti makanan negara termasuk senario, isu dan cabaran global.

Beliau berkata dimensi ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampanan dijadikan sebagai asas-asas pengukuran GFSI.

Saranan penambahbaikan yang dibangkitkan oleh Unit Perisikan Ekonomi (EIU) menerusi Laporan GFSI 2020 turut diambil kira dalam penyediaan Pelan Tindakan DSMN termasuk usaha menangani ketidakstabilan pengeluaran hasil pertanian, kebergantungan import makanan, kebergantungan ekonomi terhadap sumber semula jadi, akses kepada data mudah alih dan pembiayaan kewangan serta kemampanan sumber semula jadi. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI rangka strategi ikut keperluan semasa sekuriti makanan negara



Ronald Kiandee - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan strategi yang dirangka menerusi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 bertepatan dengan keperluan semasa sekuriti makanan negara, termasuk senario, isu dan cabaran global.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, saranan-saranan

penambahbaikan yang dibangkitkan oleh The Economist Intelligence Unit (EIU) menerusi Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2020 turut diambil kira dalam penyediaan pelan tersebut.

Tambahnya, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara termasuk usaha-usaha untuk menangani ketidakstabilan pengeluaran hasil pertanian, kebergantungan import makanan, kebergantungan ekonomi terhadap sumber semula jadi, akses kepada data mudah alih dan pembiayaan kewangan serta kemampuan sumber semula jadi.

"Di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, MAFI juga melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti pusat pengembangan akuakultur, pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) serta kajian-kajian berteraskan makanan alternatif ternakan dan juga makanan ruji untuk merencanakan pengeluaran makanan negara.

"Pelaksanaan inisiatif ini juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dengan meningkatkan produktiviti sistem makanan melalui pengukuhan infrastruktur dan pemerkasaan pengeluaran makanan.

"Di samping itu, usaha-usaha berteraskan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber semula jadi bagi kesinambungan pengeluaran makanan turut dilaksanakan oleh MAFI untuk menjaga kawasan perlindungan marin dengan mewartakannya sebagai kawasan larangan menangkap ikan," katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Amiruddin Hamzah (Bebas-Kubang Pasu) yang mahu kementeriannya menyatakan bagaimana Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang bakal dilancarkan dapat meningkatkan kedudukan Malaysia dalam GFSI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

eAGRO, platform dalam talian pertama pasar produk input pertanian



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang bersama Pengerusi Ekeekutif eAGRO Datuk Seri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (dua, kanan) pada majlis pelancaran platform dalam talian eAGRO untuk membantu pekebun kecil di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

SERDANG, 1 Nov -- Pengusaha pertanian kini boleh mendapatkan secara terus input pertanian seperti baja, racun, ubat-ubatan, makanan ternakan, biji benih dan peralatan pada harga berpatutan melalui laman web eAGRO.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata eAGRO adalah platform dalam talian pertama di Malaysia yang memasarkan produk input pertanian untuk memudahkan petani, pesawah dan pihak yang terlibat dalam industri agromakanan mendapatkan keperluan pertanian.

"Platform ini mengurangkan keterlibatan orang tengah dalam pemasaran produk-produk input pertanian kepada pemain industri agro makanan di seluruh negara," katanya pada majlis pelancaran eAGRO, di sini hari ini.

Turut hadir ialah kedua-dua timbalan menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengerusi Eksekutif eAgro Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail.

Ronald berkata kemudahan platform seperti eAGRO itu bertepatan dengan strategi MAFI untuk memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem rantai makanan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

"MAFI sentiasa menyokong kemudahan atau platform seumpama eAGRO ini dan ia wajar dimanfaatkan oleh pemain-pemain industri pertanian negara bagi membantu golongan pengusaha pertanian menambah baik pengurusan pertanian mereka dan meraih pendapatan yang lebih baik," katanya.

Syed Razlan berkata platform eAGRO akan membolehkan pekebun kecil berhubung dengan penjual dan pengeluar bahan input pertanian, serta pada masa yang sama menawarkan produk berkualiti dengan harga berpatutan.

"Hasrat kami ialah menghubungkan golongan petani dengan penjual, peruncit, dan pengeluar melalui platform secara dalam talian ini, di mana semua pemain dalam segmen input pertanian dapat mewujudkan komuniti yang kuat supaya mereka boleh mendapat produk berkualiti dengan mudah dan berbagai pilihan.

"Kami mahu meningkatkan akses terhadap produk input pertanian yang berkualiti untuk pekebun kecil bagi meningkatkan hasil pengeluaran, seterusnya memberi manfaat kepada negara," katanya.

Beliau berkata pekebun kecil yang mendaftar sebagai ahli di platform eAGRO boleh menikmati pulangan tunai sebanyak dua peratus untuk pembelian langsung, dan pada masa sama mempunyai pilihan untuk pembayaran ansuran tanpa faedah untuk pembelian melebihi had ambang tertentu.

– BERNAMA

Syarat pembiayaan program pemodenan vesel dipermudah



Datuk Seri Dr Ronald Khande

PUTRAJAYA, 1 Nov -- Syarat permohonan pembiayaan di bawah Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan akan dipermudahkan, setelah sebahagian besar daripada peruntukan RM150 juta yang disediakan kerajaan untuk membantu nelayan belum diagihkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata perbincangan untuk memudahkan syarat akan dilakukan di peringkat kementerian, agar dana untuk membantu nelayan Zon A dan B menaik taraf peralatan, pukot dan bot itu dapat dimanfaatkan sewajarnya.

Tanpa mendedahkan jumlah dana yang belum diagihkan, Ronald berkata berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu memastikan dana itu digunakan sepenuhnya menjelang hujung tahun ini.

"Sebahagian besar belum digunakan dan sebab itu kita nak olah dana itu dengan syarat-syarat yang baharu, supaya dana dapat dimanfaatkan oleh sektor ini," katanya kepada media di Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), dekat sini sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Ronald berkata LKIM sejak penubuhan LKIM pada 1 Nov 1971 telah banyak membantu menaik taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan, menerusi pelbagai program dan inisiatif termasuk meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut, serta mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan.

Pada tahun ini, katanya lebih RM150 juta diperuntukkan untuk bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program Bakul Makanan Nelayan.

Ronald berkata ESHN pada tahun ini juga telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan, yang telah memberi manfaat kepada lebih 40,000 nelayan laut.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	SINAR HARIAN	SIDANG PARLIMEN	8

MAFI rangka strategi ikut keperluan semasa sekuriti makanan negara

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan strategi yang dirangka menerusi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 bertepatan dengan keperluan semasa sekuriti makanan negara termasuk senario, isu dan cabaran global.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, saranan penambahbaikan yang dibangkitkan *The Economist Intelligence Unit* (EIU) menerusi Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2020 turut diambil kira dalam penyediaan pelan tersebut.

Menurutnya, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara termasuk usaha menangani ketidakstabilan pengeluaran hasil tani, kebergantungan import makanan, kebergantungan ekonomi terhadap sumber semula jadi, akses data mudah alih dan pembiayaan kewangan sumber semula jadi.

"Di bawah Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, MAFI melaksanakan inisiatif seperti pusat pengembangan akuakultur, pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) serta kajian berteraskan makanan alternatif ternakan dan juga

makanan ruji untuk merencanakan pengeluaran makanan negara.

"Di samping itu, usaha berteraskan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber semula jadi bagi kesinambungan pengeluaran makanan dilaksanakan oleh MAFI untuk menjaga kawasan perlindungan marin sebagai kawasan larangan menangkap ikan," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan **Datuk Amiruddin Hamzah (Bebas-Kubang Pasu)** yang ingin tahu bagaimana Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 meningkatkan kedudukan Malaysia dalam GFSI.

Proses jual beli lebih telus di antara pekebun kecil, pembekal dan penjual

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Platform dalam talian eAGRO bakal membantu pekebun kecil dengan meningkatkan kelancaran penghantaran produk input pertanian, dalam masa sama menggalakkan ketelusan harga antara pekebun kecil, penjual dan pengeluaran produk input pertanian.

Pengerusi Eksekutif eAGRO, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail berkata, platform tersebut bagi meningkatkan akses terhadap produk input pertanian berkualiti untuk pekebun kecil meningkatkan hasil pengeluaran, seterusnya memberi manfaat kepada negara.

"Kami sentiasa mengutamakan keperluan pekebun kecil agar

Platform eAGRO bantu pekebun kecil tingkatkan hasil

dihantar terus ke rumah atau mengambilnya di mana-mana ke-
dai berhampiran selepas pesanan
berjaya dibuat secara dalam talian.

Sementara itu, Ronald berkata, kemudahan platform seperti eAgro bertepatan dengan strategi utama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memperluaskan adaptasi teknologi sistem makanan sebagai langkah pragmatik meningkatkan kecukupan dan produktiviti sistem berteraskan skala ekonomik serta pertanian mampan.

"MAFI juga giat memperluas dan memperkasa pemasaran hasil pertanian khususnya melalui platform e-dagang yang telah dikenal pasti dan bersesuaian untuk mempertingkatkan kebolehpasaran serta kebolehdapatan hasil pertanian," katanya.



Ronald (tengah) pada majlis pelancaran eAGRO di UPM, Sendang baru-baru ini.

yang terdapat pada platform dalam talian eAGRO ialah pek belian, anak pokok, baja, antibiotik, vaksin ternakan, makanan ternak-

Katanya, mereka juga boleh memilih untuk produk tersebut

mereka mendapat akses terhadap produk dan peralatan berkualiti untuk meningkatkan produktiviti tanaman mereka.

"Kami ingin menghubungkan para pekebun kecil yang merupakan tulang belakang industri pertanian dengan penjual dan peruncit melalui platform ini agar mereka boleh mendapatkan produk dan peralatan berkualiti. Ini secara langsung akan meningkatkan prestasi ekonomi pekebun kecil," katanya ketika majlis pelancaran eAGRO di Universiti Putra Malaysia (UPM), Sendang pada Isnin.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

Sementara itu, beliau berkata, antara produk input pertanian

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Ladang rusa K'jaan Terengganu diinspirasi dari Perak



LENGGONG: Kerajaan Negeri Terengganu bakal mengusahakan ladang ternakan rusa pertamanya diinspirasikan dari kejayaan penternakan tersebut yang dijalankan di negeri ini.

Advertisement

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim,

berkata ladang berkenaan seluas kira-kira 40 hektar kini sedang dibangunkan di satu lokasi di Bari, Setiu.

Menurut beliau, ladang di bawah kendalian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) itu hampir 90 peratus siap dengan keperluan asas seperti pagar siklon, rumah gelap dan lain-lain.

“Peruntukan kerajaan negeri tersebut disalurkan kepada JPV negeri Terengganu. Hasil kunjungan kali pertama dua tahun lalu dan datang kali kedua ini bertujuan untuk mendapatkan baka rusa.

“Untuk peringkat pertama kita akan dapatkan 20 hingga 30 ekor dari ladang-ladang di Perak, khususnya di Lenggong,” katanya ketika lawatan ke Padang Ragut Kampung Luat (PRKL), di sini semalam.

Kunjungan Dr Azman ini adalah merupakan kali kedua ke ladang tersebut dan telah disambut Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria.

Hadir sama, Pengarah JPV Terengganu, Dr Anum Man dan Timbalan Pengarah JPV Perak, Dr Zulkifli Ahmad serta Ketua Unit Perancang JPV Perak, Hanit Mat dan Pegawai JPV Hulu Perak, Muhammad Nordin Abdul Latif serta Pengerusi PRKL, Ahmad Bakri Ariffin.



Dr Azman berkata, industri ternakan rusa di Terengganu kini telah menjadi semakin berkembang dalam kalangan individu kerana telah ada yang menceburinya secara persendirian.

Justeru katanya, hasrat kerajaan negeri mewujudkan ladang sedang dibangunkan ini bertujuan menyediakan baka-baka rusa kepada individu yang ingin menceburi industri

ternakan rusa di negeri itu.

“Kita lihat bidang ternakan rusa semakin menarik minat rakyat di Terengganu dan ia bukan lagi menjadi sesuatu yang asing, jadi kerajaan juga perlu bergerak seiring bagi menyediakan kemudahan kepada mereka, terutama baka-baka rusa.

“Dan saya melihat Perak, khususnya Lenggong adalah contoh terbaik dalam industri ternakan rusa ini,” ujarnya.

Sementara itu, Razman merakamkan penghargaan kepada delegasi Terengganu atas pengiktirafan di samping memilih Perak, khususnya Hulu Perak yang menjadi Rusa Belt sebagai asas untuk menyebarkan bidang ternakan haiwan itu di Terengganu.

Kata beliau, sememangnya ternakan rusa pertama kali diperkenalkan di Hulu Perak, khusus Lenggong untuk dikembangkan di seluruh negara. – **HARAKAHDAILY 2/11/2021**

Eksekutif audit bela arnab tambah pendapatan

PONTIAN - Seorang eksekutif audit yang berasal dari Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas di sini, mengisi masa terluang hujung minggu dengan aktiviti menernak arnab.

Mohd. Rashid Jamion, 36, berkata, dia tidak menyangka hobi membela haiwan itu kini bertukar sebagai sumber pendapatan tambahan buatnya.

Menurut beliau, pada awalnya, dia hanya membeli sembilan ekor arnab menggunakan modal kira-kira RM1,000 yang dibela menggunakan sangkar.

"Sebelum ini saya hanya suka bela arnab isi masa lapang hujung minggu sambil-sambil menjenguk orang tua saya, Jamion Sahali, 74, dan ibu, Wagiah

Othman, 68, yang semakin uzur.

"Saya bertugas di Masai dan tinggal di Bandar Seri Alam, Parit Gudang, setiap hujung minggu saya akan balik kampung. Bermula dari situlah lama-lama jumlah ternakan arnab semakin bertambah," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid berkata, dia menerima ilmu pengetahuan dalam bidang ternakan arnab dengan mengikuti kursus ternakan arnab pedaging di Parit Sulong, Batu Pahat serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Jelasnya, hasil daripada maklumat diperolehi, dia membina kandang ternakan yang lebih besar dengan menelan belanja RM8,000.



MOHD. RASHID bersama arnab peliharaannya di Jalan Lapis 1, Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian semalam.



ABD. Razak Bahari (kanan) bersama Mohammad Arsyad melihat sawah mereka yang ditenggelami air di Hutan Kampung, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

Rugi RM100,000 benih padi hanyut

* Oleh MOHD. RIFAAT
ABD. HAMID
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Seramai 60 pesawah di Hutan Kampung di sini mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM100,000 selepas benih padi yang baru ditabur rosak dalam kejadian banjir yang melanda kawasan itu.

Banjir tersebut berlaku selepas hujan lebat kerap berlaku sejak dua minggu lalu sehingga menyebabkan benih padi itu ditenggelami air sedalam 0.5 meter.

Kebanyakan pesawah di kawasan Hutan Kampung A dan B itu mula menabur benih padi sejak awal Oktober lepas.

Pesawah, Abd. Razak Bahari,

63, berkata, hujan lebat menyebabkan benih padi yang sudah ditabur tiga minggu lalu ditenggelami air manakala benih yang sudah bercambah mati akibat terendam dalam tempoh lama.

"Masalah ini menyebabkan saya terpaksa membeli benih padi baharu untuk ditabur semula. Difahamkan, stok simpanan benih padi di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah habis dan terpaksa mengharap benih padi di kedai.

"Sebelum ini, saya membeli benih padi di MADA pada harga RM35 satu beg seberat 20 kilogram dan selepas ini terpaksa dibeli di kedai berharga RM40 hingga RM45 satu beg. Ini sudah pasti membebankan lagi pe-

sawah," katanya.

Abd. Razak memberitahu, masalah tersebut mungkin tidak berlaku sekiranya bekalan benih padi diagihkan lebih awal kepada pesawah memandangkan tarikh menabur yang ditetapkan oleh MADA adalah pada 15 September lalu.

"Saya berharap musim depan pihak yang membekalkan benih padi dapat mengatasi masalah ini supaya pesawah tidak akan menanggung kerugian seperti musim ini," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohammad Arsyad, 61, pula berkata, kejadian banjir di kawasan tersebut dipercayai berpunca daripada sistem pengairan yang tersumbat selepas hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Arnab bawa rezeki

PONTIAN: Dek kerana minat terhadap ternakan arnab, seorang eksekutif audit membuktikan tugas hakikinya tidak menghalang kepada aktiviti yang turut memberi pendapatan sampingan kepadanya selama ini.

Bermula 2019, Mohd. Rashid Jamion, 36, hanya memperuntukkan modal RM1,000 untuk memelihara sembilan ekor arnab tanpa bangsal atau pondok yang khusus di Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, di sini.

Namun, berkat kegihannya berulang-alik dari Pasir Gudang untuk memantau ternakan di kampung, dia kini membina kandang dengan kos kira-kira RM8,000 bagi menempatkan arnab induk, arnab jantan, anak-anak arnab dan arnab dewasa.

"Daripada sembilan ekor arnab tersebut, ketika ini saya sudah mempunyai 156 ekor arnab induk, 16 arnab jantan dan anak arnab yang masih menyusui pula 120

ekor manakala arnab dewasa sudah mencecah 220 ekor.

"Alhamdulillah walaupun berlainan latar belakang kerjaya sebagai juruaudit di tempat kerja di Masai, saya cuba untuk memahami selok-belok ternakan arnab yang mudah berbanding aktiviti ternakan lain," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia, semalam.

Kata Mohd. Rashid, komitmennya itu juga membolehkan dia sering pulang ke kampung untuk menjenguk kedua-dua orang tuanya, Jamion Sahali, 74, dan ibunya, Wagiah Othman, 68, yang semakin uzur.

"Saya tinggal di Bandar Seri Alam, namun berada di ladang ternakan pada setiap hujung minggu serta pada hari Rabu bagi proses membiakkan arnab," ujarnya yang turut menyertai kursus ternakan arnab pedaging di Batu Pahat selain di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).



MOHD. Rashid Jamion bersama arnab yang dternaknya secara separuh masa di Jalan Lapis 1, Kampung Melayu Raya, Pekan Nanas, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

8/11/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

30



AVTARA kawasan sawah di Pendang yang ditenggelami banjir.

Rugi jutaan ringgit

1,000 hektar sawah di tiga lokasi di Kedah ditenggelami banjir

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kira-kira 1,000 hektar sawah di Pendang, Kota Setar dan Kubang Pasu dilaporkan ditenggelami banjir sejak bulan lalu, menyebabkan petani mengalami kerugian jutaan ringgit.

Banjir melanda kawasan terabit turut mengakibatkan banyak pesawah tidak dapat memulakan musim penanaman baharu mengikut jadual ditetapkan Lem-

baga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

Pesawah, Muhammad Fadzil Jaafar, 56, berkata lebih 400 hektar sawah milikinya di Kampung Alor Sekawan dan Kampung Alor Binjal masih ditenggelami air sejak Sabtu lalu.

Katanya, kira-kira 300 pesawah di kampung berkenaan sepatutnya mula menabur benih secara berperingkat bermula hujung Sep-

tember lalu, namun ia masih

tertangguh apabila air Sungai Pendang melimpah ke sawah mereka.

"Banyak rumah penduduk turut ditenggelami air, rata-rata mereka adalah pesawah. Air sungai keluar masuk ke sawah sejak sebulan lalu, dan yang terbaharu berlaku Sabtu lalu.

"Kami bimbang sekiranya keadaan berlarutan ia akan menyebabkan berlakunya kelewatan menanam pada musim ini yang akan mengakibatkan kami

Pesawah mungkin tak dapat usahakan sawah musim ini dan terpaksa tunggu musim menanam tahun depan

terpaksa menuai di luar musim.

"Selain itu, jika proses penanaman diteruskan pada musim hujan, ia akan menyebabkan padi rosak atau ditenggelami air, sekali gus mengakibatkan kerugian kepada kami," katanya yang lebih 20 tahun mengusahakan sawah.

Muhammad Fadzil berkata, situasi terburuk mungkin berlaku akibat banjir adalah pesawah berke-

Katanya, kejadian banjir kali ini dianggap antara terburuk kerana air bertakung terlalu lama di sawah dengan kejadian sama pernah berlaku pada 2002, namun ia tidak selama berlaku ketika ini.

Pesawah, Jamaludin Mahmud, 65, berkata dia terpaksa menyewa rumah inap desa sejak 13 hari lalu selepas rumahnya di Kampung Alor Berata turut ditenggelami banjir.

Menurutnya, sawah seluas dua hektar tidak dapat diusahakan apabila dipenuhi air sejak dua minggu lalu. "Air tak bergerak ke ma-

na-mana disebabkan Sungai Pendang masih melimpah. "Saya sepatutnya mula menabur benih padi pada pertengahan bulan lalu, tetapi apakan daya bencana alam seperti ini tidak boleh dielak. Saya tak tahu bila agaknya boleh mula menabur benih, apa yang pasti ramai pesawah terpaksa tanggung kerugian," katanya.

Ahad lalu, Pengerusi Mada, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, masalah air bertakung di kawasan sawah di Pendang adalah disebabkan jumlah air hujan melebihi jumlah biasa.

Pesawah rugi benih padi hanyut

ALOR SETAR – Seramai 60 pesawah di Hutan Kampung di sini kerugian kira-kira RM100,000 selepas benih padi yang baru ditabur rosak akibat ditenggelami banjir sejak seminggu lalu.

Kejadian mengakibatkan benih padi tersebut tenggelam dalam air sedalam 0.5 meter dalam tempoh lama sehingga menjadi masam dan rosak.

Kebanyakan pesawah di kawasan Hutan Kampung A dan B mula menabur benih padi sejak awal bulan lalu.

Pesawah, Abd. Razak Bahari, 63, berkata, banjir mengakibatkan benih padi yang ditabur tiga minggu lalu hanyut selain benih yang sudah bercambah mati akibat terendam.

"Saya terpaksa mencari benih padi baharu supaya dapat menabur semula, namun difahamkan stok simpanan benih padi di MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) sudah habis dan terpaksa mengharapkan benih padi di kedai.

"Sebelum ini saya beli benih padi di MADA pada harga RM35 satu beg dan apabila terpaksa membeli di kedai sudah pasti



